



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

TAWARAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH DENGAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN DAN PROGRAM LATIHAN KEPAKARAN DENGAN BIASISWA BAGI PEGAWAI LANTIKAN TETAP DAN KONTRAK MENGIKUTI PROGRAM PENGAJIAN KEPAKARAN SESI AKADEMIK TAHUN 2022/ 2023

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini mengumumkan keputusan permohonan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) dengan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) dan Program Latihan Kepakaran (PLK) dengan Biasiswa KKM untuk pegawai perubatan dan pegawai pergigian lantikan tetap dan kontrak mengikuti Program Pengajian Kepakaran Sarjana Perubatan, Sarjana Pergigian dan Program *Parallel Pathway* bagi Sesi Akademik Tahun 2022/2023.

Iklan permohonan bagi mengikuti mengikuti Program Pengajian Kepakaran Sarjana Perubatan, Sarjana Pergigian dan *Parallel Pathway* dikeluarkan pada 28 Januari 2022 dan proses pemilihan calon telah bermula selepas tarikh tutup permohonan pada 10 Mac 2022. Secara keseluruhan, seramai **1,347 pegawai telah berjaya dipilih dan ditawarkan** mengikuti program pengajian kepakaran bagi sesi kali ini.

Pada proses pemilihan kali ini, **seramai 216 pegawai lantikan kontrak telah ditawarkan mengikuti Program Pengajian Kepakaran menerusi PLK dengan Biasiswa KKM**. Tawaran ini adalah yang pertama kali diberikan kepada pegawai lantikan kontrak sejak skim lantikan kontrak diwujudkan pada tahun 2016.

Tawaran program pengajian kepakaran dengan tajaan menerusi PLK ini juga adalah selaras dengan keputusan Jemaah Menteri untuk mewujudkan laluan kerjaya yang setara antara pegawai lantikan tetap dan pegawai lantikan kontrak.

Secara keseluruhannya, seramai 1,232 pegawai telah ditawarkan ke Program Pengajian Kepakaran Sarjana Perubatan, seramai 54 pegawai ditawarkan Sarjana Pergigian, manakala 61 pegawai lagi ditawarkan ke Program *Parallel Pathway*.

Selaras dengan pengumuman keputusan pada hari ini, pegawai boleh menyemak menerusi laman sesawang sistem eHLP di alamat <http://ehlp.moh.gov.my> berhubung status permohonan tawaran CBBP dengan HLP dan PLK dengan Biasiswa KKM bagi pegawai yang berjaya mengikuti Program Pengajian Kepakaran.

Dalam pada itu, sukacita dimaklumkan bahawa permohonan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) dengan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) dan Program Latihan Kepakaran (PLK) dengan Biasiswa KKM untuk mengikuti Program Pengajian Kepakaran Sarjana Perubatan, Sarjana Pergigian dan *Parallel Pathway* bagi Sesi Akademik 2023/2024 akan mula dibuka pada Oktober 2022.

Sekian, terima kasih.

KHAIRY JAMALUDDIN
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA
30 Ogos 2022